

Januari - April BIL : 1 / 2025 ISSN : 2232-1454

PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN



KOD QR
BULETIN PPANS
Bil. 1/2025



IDEA, KONSEP ASAL & SUSUNAN : PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my Perpustakaan Negeri

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

SIDANG EDITORIAL PPANS

PENAUNG

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi Perbadanan
Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
Darul Khusus

PENASIHAT

HAMDAN BIN HAJI NORDIN
Pengarah Perbadanan Perpustakaan
Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

MOHD RIZWAN BIN MUHAMMAD
YUSOF
Penolong Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

ZAINUDIN BIN ZAILAN
Ketua Unit Korporat, PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat
Unit Gerakan Membaca
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN & PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI
Unit Korporat, PPANS

REKA BENTUK DAN PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

ISI KANDUNGAN

2	SIDANG EDITORIAL
3	TINTA PENGARAH
4	LENSA PENGARAH
5	JENDELA BUKU
6	INKSPIRE FUTURE KARNIVAL LITERASI MAKLUMAT DAN EKSPLO KERJAYA UITM REMBAU
7	SENANTI EXPLORACE
8	PPANS MEMPERKASAKAN BUDAYA MEMBACA
9	PERHIMPUNAN TAHUNAN WARGA KERJA PPANS BIL. 1 2025
10-11	SAHABAT PERPUSTAKAAN JELAJAH DAERAH
12	KESATUAN KETAATAN UMAT ISLAM DALAM SURAH AL-SAFF
13	IFTAR RAMADAN PERKUKUHKAN HUBUNGAN PERSAUDARAAN
14-15	PROGRAM JOM BACA 10 MINIT SEHARI DAN HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2025
16-17	WAGHIH MEMBACA
18-19	PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT
20	DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN & PERPUSTAKAAN DESA

PENGARAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,
Salam Negeri Sembilan,
Bersih . Muafakat . Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 1/2025 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekali gus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna, malah peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat umur dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya Negeri Sembilan.



Hamdan bin Haji Nordin
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan

LENSA PENGARAH



2 Januari 2025

Majlis Pelancaran Karnival Literasi Maklumat dan Ekspo Kerjaya 2025 di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau



7 Januari 2025

Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2025 di Dewan Majlis Perbandaran Seremban



16 Januari 2025

Majlis Perasmian Program Senanti Explorace Sempena Hari Keputeraan Ke-77 DYMM Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan di Dewan Tuanku Ampuan Najihah, Seri Menanti



21 Januari 2025

Majlis Perasmian Program Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Peringkat Negeri Sembilan 2025 di Dewan Dewan Pavilion, LPPKN Seremban 2.



22 Januari 2025

Mesyuarat bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS) di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



6 Februari 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan Bil.1/2025 di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



13-14 Februari 2025

Bengkel Perancangan Strategik 2025-2030 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Tasik Villa, Port Dickson.



18 Februari 2025

Perhimpunan Tahunan Warga Kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



24 Februari 2025

Majlis Pelancaran Program Sahabat Perpustakaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



25 Februari 2025

Lawatan Kerja Rasmi Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ke Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



26 Februari 2025

Program Sahabat Perpustakaan di Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah.



28 Februari 2025

Majlis Sambutan Ihya Ramadhan PPANS di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



8 Mac 2025

Santun Kasih Ramadan bersama Pusat Pertubuhan Jagaan Anak Yatim Al-Khair di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



18 MAC 2025

Mesyuarat Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) Bil. 1/2025 di Bilik Mesyuarat Pejabat Kewangan Negeri, Wisma Negeri, Seremban.



20 Mac 2025

Majlis Penutup Bengkel Sahabat Perpustakaan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



14 April 2025

Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) Dan Galakan Membaca Kebangsaan Bil. 1/2025 di Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan.



23 April 2025

Hari Terbuka Perpustakaan: Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit dan Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan Serta Majlis Jalinan Aidilfitri di Perpustakaan Negeri, Seremban 2.



26 April 2025

Perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Jimah Baru, Sendayan.

JENDELA BUKU

No Panggilan: MF BEL


Bahagian: Pinjaman

Harga: RM 27.00

Penerbit: IDEA KREATIF

Muka Surat: 534 Muka Surat

Penulis: BELLOFA



"Kahwin dengan anak aunty?"

Demi menyelamatkan rumah tangga orang lain, Iman sanggup menggadai masa depannya sendiri. Mengahwini lelaki bernama Adam Mahfuz yang pernah ada dan sehingga kini masih berada di hatinya. Rasa yang pernah muncul di hatinya dulu masih kekal tidak berubah.

"Awak pun nampak sendiri mereka dah pun bahagia. Boleh tak awak berhenti mengharap Maya lagi?" - Iman

"Tak payah masuk campur urusan aku, Iman. Aku tak suka." - Adam

Ikatan yang terlalu menyakitkan. Sebab itu Iman tidak pernah mengharap kebahagiaan kerana dia yakin hal itu sangat mustahil. Kebencian Adam terhdapnya terlalu besar dan tidak pernah lelah melukai hatinya.

Dalam kemelut yang tak berkesudahan, Eshan Luthfi muncul membuatkan Adam tergemap. Dan hadirnya Rana Washna membuatkan rumahtangga mereka semakin berantakan.

"I think I'm falling for you." - Eshan

"Awak sayang suami saya tak, Rana?" - Iman

"Lebih dari sayang..." - Rana

Misi Iman sudah selesai. Adam berjaya beralih dari Maya. Eshan pula menghilang tanpa khabar. Rana mahukan Adam. Iman pula terikat dengan janji. Pertengkaran di antara mereka tak pernah sudah. Salah faham terjadi. Ujian dan dugaan datang bertubi-tubi sehinggakan Iman memilih untuk pergi.

"Kau dekat mana Iman? Kenapa kau seksa hati aku macam ni..." - Adam

Iman tertanya sendiri, andai kata takdir menemukan mereka semula, mahukah Adam memegang erat tangannya? Akankah lelaki itu berhenti bersikap egois dan menyakiti perasaannya? Atau sebaiknya mereka berpisah saja?

INKSPIRE FUTURE

KARNIVAL
LITERASI
MAKLUMAT
DAN EKSPLO
KERJAYA

UiTM Rembau 2 hingga 4 Januari 2025 (Korporat PPANS) - era globalisasi yang semakin mencabar, literasi maklumat memainkan peranan penting dalam memastikan individu mampu mengakses, memahami dan menggunakan maklumat dengan berkesan. Program Literasi Maklumat dan Ekspo Kerjaya yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Rembau menjadi salah satu inisiatif dan platform bagi memupuk dan mencorak masa depan yang sangat bermanfaat dalam membantu masyarakat khususnya pelajar dan graduan mendapatkan ilmu serta bimbingan mengenai peluang kerjaya. Program ini bukan sahaja memperkasa kefahaman tentang literasi maklumat malah menyediakan platform kepada para peserta untuk mengenali dunia pekerjaan dengan lebih mendalam.

Kerjasama daripada pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS), PERKESO, Arkib Negara Malaysia dan penaja eksklusif KarangKraf yang berlangsung selama tiga hari bertempat di Dewan Biduanda, UiTM Rembau. Pelbagai aktiviti seperti pameran kerjaya, reruai jualan buku, pameran agensi jabatan yang terlibat dan sesi perkongsian ilmu sepanjang program berlangsung. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Ismail bin Hj. Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan merangkap Pengerusi Gerakan Membaca Negeri Sembilan. Hadir sama dalam majlis Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Profesor Dr. Yamin Yasin, Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan.



TUNKU ALI REDHAUDDIN MENYEMPURNAKAN SENANTI EXPLORACE 2025

Seri Menanti, 16 Januari 2025 (Korporat PPANS) - Program Senanti Explorace Sempena Hari Keputeraan Ke-77 DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Perpadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bagi memeriahkan sambutan ulang tahun keputeraan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-77. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan komuniti setempat melalui aktiviti yang mencabar minda dan fizikal dalam suasana yang santai dan menyenangkan. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah Pertandingan Explorace Adat Perpatih yang melibatkan pelbagai jabatan di daerah ini, Pertandingan E-sport dan Simulator, Pertandingan Mewarna, serta Pertandingan Masakan Tradisional. Selain itu, reruai pameran turut disediakan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Virtual Reality dan Augmented Reality, Koleksi Negeri Sembilan, Perkhidmatan Bas Bergerak serta perkhidmatan U-Pustaka.



Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz, berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Program Senanti Explorace yang diadakan di Dewan Tuanku Ampuan Najihah, Seri Menanti. Hadir sama YBhg. Encik Hamdan bin Hj. Nordin, Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Puan Nawal binti Mohamed Amin, Pegawai Daerah Kuala Pilah, Puan Anisatul Wahidah binti Abdul Wahid Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PNM), Ketua-ketua dan Wakil Ketua Jabatan, Pengetua serta guru besar sekitar Kuala Pilah



PPANS TERUS MEMPERKASAKAN BUDAYA MEMBACA DALAM ERA DIGITAL

Seremban 2, 6 Februari 2025 (Korporat PPANS) – Dalam usaha memperkasakan amalan membaca sebagai asas pengembangan ilmu dan kemajuan sesebuah masyarakat PPANS terus mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu bagi menarik minat masyarakat terhadap bahan bacaan.

Menyedari cabaran masa kini, PPANS telah melaksanakan beberapa strategi dan inisiatif bagi memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan yang telah dipengerusikan YB Dato' Hj. Ismail bin Hj. Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan EXCO Kerajaan Negeri merangkap Timbalan Pengerusi PPANS. Mesyuarat ini diadakan dengan tujuan utama untuk membincangkan dan merangka strategi yang berkesan bagi menggerakkan Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan literasi serta menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Mesyuarat dihadiri oleh Encik Hamdan bin Hj. Nordin Pengarah PPANS merangkap Setiausaha Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Negeri Sembilan, wakil-wakil pegawai daerah, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Negeri Sembilan, serta pegawai-pegawai PPANS.



TERUSKAN KECEMERLANGAN

PENGARAH PPANS

Seremban 2, 18 Februari 2025 (Korporat PPANS) - Perhimpunan Tahunan Warga Kerja PPANS Bil. 1/2025 telah menghimpunkan warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM Negeri Sembilan) serta kakitangan di perpustakaan desa melalui platform *Google Meet*. Perhimpunan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan ukhwah antara warga kerja serta menyampaikan amanat dan maklumat penting bagi memastikan visi dan misi PPANS tercapai.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku kemudian diikuti bacaan doa oleh Encik Mohd Nizam bin Yunus (Unit Kewangan PPANS) dan disusuli dengan lafaz ikrar penjawat awam yang dipimpin oleh Encik Muhammad Uzair bin Shaari (UTKM PPANS). Perhimpunan ini turut diserikan dengan ucapan oleh Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan komitmen, usaha gigih, dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas. Beliau juga mengingatkan warga kerja PPANS dan PNM untuk terus menyokong antara satu sama lain bagi mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Beliau turut menyelitkan pesanan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan yang setiap penjawat awam mesti bekerja dengan lebih tekun, produktif dalam melaksanakan tugas serta harus mengelak perkara yang tidak bermanfaat seperti mengadu domba,



merokok, dan menyebarkan berita palsu. Memetik Hadis 40 Imam Nawawi, keindahan seorang Muslim adalah meninggalkan perkara yang tidak memberi manfaat kepada diri sendiri, organisasi, dan negeri. Selain itu, PPANS turut mengundang wakil dari FWD Takaful bagi memberi perkongsian tentang hibah, serta taklimat khas dari Unit Kewangan PPANS. Perkongsian ini bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai aspek kewangan yang perlu dipatuhi oleh warga kerja dan manfaat perlindungan takaful. Turut diadakan mesyuarat pemilihan ahli jawatankuasa baru KESUKA PPANS bagi sesi 2025-2027 yang bertujuan untuk memilih barisan kepimpinan baharu yang akan menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga kerja. Semoga perhimpunan ini dapat mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga kerja PPANS dan PNM serta menyuntik semangat kerjasama dan komitmen untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.



SAHABAT PERPUSTAKAAN

JELAJAH DAERAH MEMPERKASAKAN BUDAYA MEMBACA

Seremban 2, 24 Februari 2025 (Korporat PPANS) - Menyedari kepentingan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) telah mewujudkan Program Sahabat Perpustakaan. Inisiatif pertama ini diperkenalkan dengan objektif utama untuk berkongsi kepakaran PPANS dalam menguruskan perpustakaan serta membawa perkhidmatan perpustakaan ke sekolah-sekolah di Negeri Sembilan. Melalui kerjasama antara kedua-dua pihak, beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi memastikan generasi muda terus menjadikan membaca sebagai amalan yang berterusan. Sesi penyampaian taklimat kepada guru-guru sekolah tidak hanya terhad kepada satu daerah sahaja malah disebarluaskan kepada guru-guru Perpustakaan dan Media di daerah lain. Langkah ini bertujuan untuk memastikan manfaat program ini dapat diperluaskan ke seluruh Negeri Sembilan sekali gus memperkukuh budaya membaca dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Majlis Pelancaran Program Sahabat Perpustakaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Ismail bin Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan akan terus memberikan sokongan penuh terhadap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan. Beliau turut menekankan bahawa usaha yang dijalankan ini dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak mulia.

Satu lagi peristiwa penting dalam majlis ini adalah sesi menandatangani Surat Niat (*Letter of Intent*) antara PPANS dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) yang disaksikan oleh YB Dato' Hj. Ismail bin Lasim. Surat Niat ini menandakan kerjasama lebih erat antara kedua-dua pihak dalam memperkasa lagi program-program pendidikan dan pembacaan di Negeri Sembilan. YB Dato' Hj. Ismail bin Lasim juga berkesempatan mengunjungi Mobile Smart Library yang membawa kemudahan kepada

komuniti untuk mengakses bahan bacaan perpustakaan. Selain itu, turut diadakan sesi taklimat mengenai Program Sahabat Perpustakaan yang telah disampaikan oleh Encik Zainudin bin Zailan, Ketua Unit Korporat PPANS. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pencerahan mengenai program kepada Guru-Guru Perpustakaan dan Media dari seluruh Daerah Seremban. Sesi taklimat ini juga akan diteruskan ke daerah-daerah lain pada 25 hingga 27 Februari 2025.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Yang Berbahagia Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah PPANS, Yang Berbahagia Encik Mohamad Wazir bin Hamzah, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran JPNS, Yang Berbahagia Encik Aiman bin Abdoll Aziz, Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi JPNS, pegawai-pegawai Pendidikan Daerah JPNS, serta Guru-Guru Perpustakaan dan Media Daerah Seremban.

Sebagai langkah menyokong usaha ini, pihak perpustakaan akan menyediakan bahan bacaan secara berkelompok bagi memudahkan akses kepada bahan ilmiah. Mewujudkan perpustakaan mini di setiap jabatan dan pejabat daerah agar budaya membaca dapat diterapkan dalam pelbagai lapisan masyarakat dan menyediakan khidmat nasihat pembangunan perpustakaan termasuk khidmat literasi maklumat. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan masyarakat Kuala Pilah terus maju dalam dunia ilmu pengetahuan dan menjadikan perpustakaan sebagai pusat rujukan utama.





KESATUAN KETAATAN UMAT ISLAM

SURAH AL-SAFF

Seremban 2, 25 Mac 2025 (Korporat PPANS) - World #QuranHour ialah satu inisiatif global yang mengajak umat Islam untuk meluangkan masa membaca, memahami, dan menghayati Al-Quran secara serentak di seluruh dunia. Program ini bertujuan untuk membina hubungan yang lebih erat antara umat Islam dengan kitab suci serta menggalakkan nilai-nilai yang terkandung dalam Al-Quran untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Bertemakan **#SAVINGTHEUMMAH** Surah Al- Saff (Barisan) menjadi surah pilihan. Surah Al-Saff adalah surah ke-61 dalam Al-Qur'an yang terdiri dari 14 ayat. Surah ini tergolong dalam surah Madaniyah dan memiliki tema utama tentang pentingnya kesatuan, ketaatan kepada Allah serta perjuangan di jalan-Nya. Kepentingan kesatuan umat dalam memperjuangkan agama Allah untuk manusia umat islam perlu saling menguatkan dengan hati yang ikhlas, iman yang tulus dan rasa kebersamaan, berkorban harta dan jiwa demi mencapai pelabuhan kejayaan dunia dan akhirat.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan turut mengimarahkan Program World #QuranHour 2025 dengan sesi taddabur Surah Al-Saff yang disampaikan oleh YM Ustaz Tengku Nor Iftah bin Tengku Jamil, Penolong Pengarah, Jabatan Ha Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).



IFTAR RAMADAN ERAT SILATURRAHIM

-PPANS

Seremban 2, 25 Mac 2025 (Korporat PPANS) - Iftar atau berbuka puasa merupakan satu amalan yang bukan sahaja menyuburkan keimanan tetapi juga mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Muslim. Dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, umat Islam berpeluang untuk bersama-sama menikmati hidangan berbuka dalam suasana yang penuh keinsafan dan kesyukuran. Amalan berbuka puasa secara beramai-ramai sama ada di rumah atau majlis korporat, memberikan ruang untuk memperkukuhkan ukhuwah Islamiah. Tradisi memberikan juadah kepada mereka yang berpuasa bukan sahaja membawa pahala besar tetapi juga menyemai rasa kasih sayang dan kepedulian dalam masyarakat. Terima kasih kepada YBhg. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS kerana sudi hadir menyantuni warga kerja PPANS.



PPANS SAMBUT HARI TERBUKA DAN PROGRAM JOM BACA UNTUK 10 MINIT 2025

Seremban 2, 23 April 2025 (Korporat PPANS) – Tepat jam 11.00 pagi, pada 23 April 2025 segenap lapisan masyarakat di Malaysia tidak kira usia, jantina dan bangsa diseru untuk meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca buku tidak kira di mana juga anda berada. Luangkan masa selama 10 minit bermula dari pukul 11.00 hingga 11.10 pagi untuk membaca buku genre kesukaan anda dan medium bacaan masing-masing. Inisiatif ini dilakukan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Program Jom Baca 10 Minit Sehari dan Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan ini telah diperkasakan dengan penglibatan melalui kerjasama antara Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dan KPJ Healthcare University. Program tahunan ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca seterusnya membudayakan amalan membaca dalam kehidupan walaupun dalam tempoh yang singkat.

YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang Dipertua BAKRIYAH Negeri Sembilan dalam ucapan perasmian Program Jom Baca 10 Minit Sehari dan Dekad Membaca Kebangsaan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2, beliau menekankan bahawa amalan membaca haruslah diterapkan dalam kehidupan harian. Beliau juga menyeru kepada umat Islam khususnya agar menjadikan membaca Al-Quran sebagai rutin harian kerana ia merupakan salah satu ibadah yang sangat digalakkan dalam Islam.

Dalam temubual bersama TVPSS, YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof "menasihatkan supaya setiap individu tidak harus melupakan betapa pentingkan membaca dan boleh dilakukan melalui pelbagai medium," katanya selepas majlis perasmian.



Rakan kolaborasi PPANS iaitu KPJ Healthcare University turut menganjurkan Program STEMABILITY yang melibatkan 32 orang pelajar dari 8 buah sekolah di daerah Seremban. Program ini memfokuskan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang bertujuan mencetus minat dan inovasi dalam kalangan pelajar.

Selaras dengan tema tahun ini “**Nikmati Saat Ini**” Melalui pembacaan, kita diajak untuk berhenti sejenak, menyelami setiap kata, menghayati setiap cerita, dan menghidupkan semula rasa syukur terhadap momen sekarang. Buku bukan sekadar membawa kita ke dunia lain malah mengingatkan kita betapa berharganya setiap detik yang kita alami.

Melalui aktiviti pembacaan yang sistematik seseorang itu dapat memberikan ketenangan, membuka pemikiran, serta membantu

Kemeriahan suasana syawal diteruskan seusai majlis perasmian Program Jom Baca Untuk 10 minit dengan Majlis Jalinan Aidilfitri. Kehadiran tetamu kehormat YB Dato’Mohd Zafir Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, ketua-ketua jabatan, agensi kerajaan dan swasta memeriahkan lagi suasana hari terbuka Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Pelbagai juadah dan hidangan telah disajikan kepada para tetamu.

Mengambil pendekatan konsep Hari Terbuka Perpustakaan, majlis ini bertujuan membuka ruang kepada masyarakat untuk bersama-sama melihat program dan aktiviti yang ditawarkan oleh pihak Perpustakaan sekali gus mempromosikan perkhidmatan yang terdapat ada perpustakaan .



WAGHIH MEMBACA

Seremban 2, (Korporat PPANS) - Membaca adalah kegiatan memahami dan menyerap informasi yang disampaikan melalui tulisan atau simbol. Proses ini melibatkan penerimaan teks dengan menggunakan indera penglihatan atau media lainnya untuk kemudian mengolah informasi yang terkandung di dalamnya. Membaca mampu dilakukan dalam berbagai bentuk, seperti membaca buku, artikel, surat khabar, novel bahkan teks digital di peranti elektronik.

Terdapat banyak manfaat yang boleh diperoleh melalui membaca antaranya meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kemampuan berpikir kritis, meningkatkan keterampilan bahasa, dan mengurangi stress. Di samping menjalankan aktiviti membaca, PPANS turut mengadakan aktiviti sampingan seperti kraftangan untuk anak-anak dan ibu bapa yang berkunjung ke perpustakaan kerana PPANS yakin bahawa aktiviti sedemikian mampu meningkatkan kemahiran motor kasar dan halus, membantu perkembangan kognitif dan meningkatkan keupayaan menguruskan emosi selain dari mengasah kreativiti seseorang.





PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



7 JANUARI 2025

- PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2025 DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS)



19 JANUARI 2025

- MAJLIS ANUGERAH TOKOH WANITA MADANI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2024 DI MY FAME HOTEL, SEREMBAN



9 FEBRUARI 2025

- MAJLIS MAKAN MALAM SAMBUTAN JUBLI INTAN MAJLIS BELIA NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT, SEREMBAN.



28 FEBRUARI 2025

- MELUNCURKAN PEMBUKAAN RASMI IDEAS AUTISM CENTRE (IAC) DI BAYU BEACH RESORT, PORT DICKSON.

PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

JABATAN
PERTANIAN



18 MAC 2025

- **PERASMIAN MANTAI RAYO 2025**
DI DEWAN THEATRETTE,
WISMA NEGERI



25 MAC 2025

- **MELANCARKAN PROGRAM GALERI MALAYSIA MADANI @ SEKOLAH**
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN, SMK (F) LUI
BARAT.



10 APRIL 2025

- **RUMAH TERBUKA AIDILFITRI**
JABATAN PERTANIAN
NEGERI SEMBILAN



22 APRIL 2025

- **MAJLIS JAMUAN HARI RAYA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**
NEGERI SEMBILAN
DI PEKARANGAN BALAI BOMBA, SEREMBAN 2

DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN DAN DESA

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: libraryjempol@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 71600 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pacjelebu@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pacportdickson@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Emel: packualapilah@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Emel: pactampin@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Emel: pacgemas@gmail.com
- ☎ No.Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN AWAM DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu

Kg.Legong Ulu,71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Emel: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 06-438 1120

Perpustakaan Desa Titian Akar

Kg.Titian Akar,71150 Linggi,Negeri Sembilan.
Emel: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg.Rendah

Kg.Rendah Rembau,71300 Rembau Negeri Sembilan.
Emel: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Felda Palong 7

73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Emel: pdfeldapalong7@gmail.com
No.Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg.Talang

Kg.Talang,71500 Tanjong Ipoh,Negeri Sembilan.
Emel: pdtalang1@gmail.com
No.Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti

Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Emel: syazwanitajudin5512@gmail.com
No.Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang

d/a Balai Penghulu,72300 Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: norliza.abuzaid@yahoo.com
No.Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg.Chennah

Kg.Chennah,71650 Titi Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: pdchennah@gmail.com
No.Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan

73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Emel: pdaks.2001@gmail.com
No.Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Felda Jelai 4

Jelai 4,73480 Gemas,Negeri Sembilan.
Emel:pdj4.pact@gmail.com
No.Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin

Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Emel:hayatiismail1964@gmail.com
No.Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau

72100 Bahau,Negeri Sembilan.
Emel: librarybahau@gmail.com
No.Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusof

12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Emel: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No.Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri

Bangunan Masjid Negeri,Jalan Dato'Hamzah, 70000, Seremban.
Emel: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No.Telefon: 011- 2323 2868